

13/09/2003

Diskaun jadi penggalak e-perdagangan

DISKAUN sebanyak 50 peratus yang diberikan oleh Telekom Malaysia Bhd bagi caj laluan internet untuk pakej perusahaan dan korporat dijangka mampu menggalakkan lagi aktiviti e-perdagangan di negara ini.

Pengarah Eksekutif JSPC i-Solutions Bhd (JSPC), Yip Siew Kee, berkata dengan penurunan kadar caj itu, selain membolehkan negara menjadi lebih kompetitif, ia juga mempercepatkan negara menuju ke arah negara berasaskan k-ekonomi.

"Penggunaan teknologi maklumat (IT) kini sudah menjadi sebahagian daripada keperluan perniagaan, terutamanya bagi capaian internet berkelajuan tinggi.

"Dengan kadar baru itu ia menjadikan syarikat berasaskan IT lebih kompetitif terutamanya syarikat yang bermodal kecil dan sederhana

"Bagi syarikat kami yang terbabit dalam perundingan perniagaan teknologi maklumat (IT), caj baru itu adalah satu insentif yang amat besar ertinya," katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan memastikan semua pihak mempunyai capaian internet pada kos yang rendah amadalah sebahagian daripada cara hidup masa kini khusus bagi generasi muda yang berkecenderungan melayari internet sama ada bagi mendapatkan maklumat atau untuk `chatting`.

Pertumbuhan dalam sektor IT dan ICT berpotensi menghasilkan perkhidmatan bernilai tambah tinggi dan menjadi salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dan perolehan tukaran asing negara.

Dalam pembentangan Bajet semalam, Mahathir mengumumkan bahawa Telekom Malaysia akan memberi diskaun 50 peratus bagi pakej perusahaan dan korporat, bermula dengan 30 peratus pada peringkat pertama dan 20 peratus lagi pada peringkat kedua.

Manakala bagi pengguna yang lain, pengurangan 30 peratus diberikan kepada caj jalur lebar internet.

Mahathir turut mengumumkan penggabungan Jaring Internet Services Sdn Bhd (Jaring) dan TM Net Sdn Bhd (TM Net), anak syarikat Telekom bagi memastikan perkhidmatan internet yang lebih luas dan cekap.